

**Unsur-Unsur Pemeraksanaan Bahasa Melayu Dalam Drama *Anak Tanjung*
Karya Noordin Hassan**

*Elements of Malay Language Empowerment in Drama Anak Tanjung by
Noordin Hassan*

Samin Rabani
rbnsamin@gmail.com

A. Halim Ali
halim.ali@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Received: 5 December 2021; Published: 15 June 2022

Cite this article (APA) as:

Rabani, S., & Ali, A. H. (2022). Unsur-Unsur Pemeraksanaan Bahasa Melayu Dalam Drama Anak Tanjung Karya Noordin Hassan. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 10(1), 44 - 59. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/161>

ABSTRAK

Pemeriksaan bahasa adalah satu proses yang panjang bagi memartabatkan bukan sahaja sesuatu bahasa bahkan sesuatu bangsa di sesebuah negara. Bagi bahasa Melayu di Malaysia, usaha memperkasakan bahasa rasmi atau bahasa kebangsaan itu telah bermula sejak sebelum terbentuknya negara Malaysia. Usaha memerkasakan bahasa Melayu bukan sahaja dapat dilihat dalam bidang politik, tetapi juga bidang-bidang lain termasuk bidang sastera. Makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti unsur-unsur pemeraksanaan bahasa Melayu dalam drama *Anak Tanjung* karya Noordin Hassan. Analisis dalam makalah ini juga bertujuan untuk memaparkan contoh-contoh terbaik menerusi teks kesusasteraan sesuatu dengan kedudukan Noordin Hassan sebagai Sasterawan Negara, tokoh penting dalam bidang drama dan pengguna bahasa Melayu. Berdasarkan analisis yang dilakukan. Kajian ini dapat menunjukkan Noordin Hassan dan dramanya menyelitkan unsur-unsur pemeraksanaan bahasa Melayu khususnya dalam konteks penggunaan bahasa Melayu standard dan sesuai dari sudut morfologi, fonologi dan sintaksis.

Kata kunci: Pemeraksanaan, bahasa Melayu, drama, morfologi, fonologi, sintaksis.

ABSTRACT

*Language empowerment is a long process to elevate not only a language but also a nation in a country. For the Malay language in Malaysia, efforts to strengthen the official language or the national language have begun since before the formation of Malaysia. Efforts to strengthen the Malay language can not only be seen in the field of politics, but also in other fields including the field of literature. This paper aims to identify the elements of Malay language empowerment in the drama *Anak Tanjung* by Noordin Hassan. The analysis of this paper also aims to display the best examples*

through the literary text of something with the position of Noordin Hassan as the National Laureate, an important figure in the field of drama and Malay language user. Based on the analysis performed. This study can show that Noordin Hassan and his drama insert elements of Malay language empowerment, especially in the context of the use of appropriate and standard Malay language in terms of morphology, phonology and syntax.

Keywords: Empowerment, Malay language, drama, morphology, phonology, syntax

PENGENALAN

Bahasa merupakan salah satu unsur terpenting bagi sesebuah negara dan bangsa. Maju bahasa majulah bangsa kerana bahasa ialah jiwa bangsa. Usaha untuk meningkatkan taraf sesuatu bahasa adalah selaras dan seiring dengan usaha memajukan taraf sesuatu bangsa dan juga negara. Di Malaysia Bahasa Melayu telah diiktiraf sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 sebagaimana termaktub dalam perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, (Awang Sariyan, 1996:85). Walau bagaimanapun menurut perkara 152 juga Perlembagaan Malaysia memberi tempoh 10 tahun untuk menguatkuasakan ketetapan tersebut. Dalam tempoh tersebut penggunaan Bahasa Inggeris masih dibenarkan untuk urusan rasmi seperti di parlimen atau di mahkamah dan juga di sekolah-sekolah. Sementara itu Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 yang dikenali sebagai Akta 32 telah digubal untuk mendaulatkan Bahasa Melayu, namun akta ini tidak menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal kerana Bahasa Inggeris masih terus digunakan dengan meluas (Murni Deraman dan Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, 2019:1).

Menurut Azlinda Abd. Rahman, (2013), dasar bahasa bagi negara Malaysia bermula dengan idealisme untuk menyaksikan satu bangsa yang bersatu padu. Tiga fungsi penting diberikan kepada Bahasa Melayu iaitu Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu. Bahasa Melayu juga telah dilihat sebagai bahasa yang paling sesuai untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa. Di samping usaha-usaha memartabatkan Bahasa Melayu melalui perundangan sebagaimana dinyatakan di atas, pelbagai inisiatif telah dilakukan untuk memastikan Bahasa Melayu sentiasa menjadi asas kepada proses pembinaan dan perkembangan ilmu. Antaranya ialah program mewujudkan Pangkalan Data Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu telah dibentuk oleh pihak Universiti Kebangsaan Malaysia. Menurut Ahmad Rizal Mohd Yusof, Mohd Firdaus Hamdan & Shamsul Amri Baharuddin (2015), bagi memperhebatkan usaha pihak tertentu dalam memperjuangkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, pembangunan Pangkalan Data Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu (BMBI) dicadangkan untuk dilaksanakan secara serius.

Menurut Awang Sariyan (1996), bahasa Melayu yang sistematik mesti dirancang untuk menjamin penggunaannya secara mudah dan efisien dalam pelbagai bidang oleh semua golongan masyarakat Malaysia. Oleh itu cadangan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi ASEAN atau sekurang-kurangnya bahasa rasmi kedua telah ditimbulkan sejak tahun 1980-an merupakan satu impian yang boleh menjadi kenyataan. Malaysia juga mempunyai cita-cita untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa utama dunia. Ku Hasnita Ku Samsu, Adlina Ab Halim & Mohd Hafiz Sulaiman (2013) menyatakan bahawa jika dikaji daripada aspek jumlah penutur bahasa Melayu, didapati bahawa 3.4 peratus daripada 5700 juta orang penduduk dunia, iaitu seramai 195 juta orang adalah penutur bahasa Melayu di seluruh pelosok dunia pada tahun 1995. Ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu sebenarnya merupakan

salah satu bahasa utama di dunia, malah turut diisytiharkan sebagai bahasa dunia yang kelima.

Menurut Awang Sariyan (2010), salah satu cara bagi mewujudkan negara bangsa bagi Malaysia adalah melalui penggunaan satu bahasa yang sama bagi semua kaum iaitu Bahasa Melayu. Begitulah juga usaha terus dijalankan untuk memartabatkan kedudukan bahasa Melayu setarap dengan bahasa-bahasa utama di dunia. Untuk mencapai cita-cita menjadikan bahasa Melayu bahasa se-Nusantara, dengan pengertian menjadi bahasa Melayu mahawangsa atau bahasa Melayu supranasional, diperlukan pendekatan yang bukan sahaja berpusat (*sentripetal*) ke negara bahkan juga yang berdaya empuran (*sentrifugal*), iaitu yang memencar keluar dari batas negara ke lingkungan negara-negara berkepentingan sepunya - dalam konteks ini, rantau Nusantara. Jika kita dapat merealisasikan impian tersebut di atas bukan sahaja bahasa Melayu akan menjadi bahasa yang disegani dan dihormati oleh bangsa lain di dunia ini bahkan kedaulatan bangsa dan negara kita akan turut menjulang naik di persada antarabangsa.

PERMASALAHAN KAJIAN

Pelbagai usaha dan rancangan telah dijalankan untuk mencapai matlamat dan objektif bagi meletakkan Bahasa Melayu sebagai bahasa utama bukan sahaja di Malaysia bahkan di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun setiap ketetapan itu sentiasa menghadapi halangan atau cabaran. Antaranya ialah mengikut Akta Bahasa Kebangsaan 1967 sepatutnya Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan digunakan untuk urusan rasmi, tetapi tidak semua pihak mematuhi ketetapan tersebut. Bahkan penggunaan bahasa Inggeris masih digunakan secara meluas. Menurut Noraien Mansor dan Noor Rohana Mansor (2015), melalui penyelidikan yang telah dijalankan didapati amat jelas dan ketara sekali, penerbitan ilmiah bagi semua kluster diungguli oleh penerbitan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu tidak menjadi pilihan atau keutamaan dalam kalangan ilmuwan di negara ini untuk melaksanakan penerbitan ilmiah mereka.

Pada tahun 2003 pelaksanaan Program Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) menjadi cabaran besar bagi kejayaan sistem pendidikan kebangsaan dalam hal penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar utama. Akhirnya atas desakan ramai, program tersebut terpaksa dimansuhkan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2009 sehingga tahun 2012. Kemudiannya dasar ini digantikan dengan Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkukuh Bahasa Inggeris (DMBMMBI). Dasar tersebut akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2010. (KPM, Dasar MBMMBI, 2014:1). Dengan pelaksanaan dasar tersebut, pengajaran bagi kedua-dua mata pelajaran yang penting itu dikembalikan ke dalam bahasa Melayu. Menurut Awang Sariyan, (2020), pelaksanaan perkuliahan dalam bahasa Inggeris bagi bidang STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Perubatan) sejak tahun 1995 turut menghambat masa hadapan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Masalah ini bertambah serius lagi apabila terdapat sesetengah Institut Pengajian Tinggi Awam menjalankan sesi perkuliahan bagi beberapa bidang ilmu yang lain juga dijalankan dalam bahasa Inggeris mengikut kehendak Institut Pengajian Tinggi (IPT) berkenaan. Keadaan bertambah parah lagi jika dilihat di dewan-dewan kuliah IPT Swasta. Hampir keseluruhannya menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

Ibrahim Majdi Mohamad Kamil dan Maliati Mohamad (2020) menyatakan bahawa jika diperhatikan penguasaan bahasa masyarakat Malaysia pada hari ini, masih pada tahap yang kurang memberangsangkan. Masih ramai kaum bukan Melayu yang masih lemah dalam penguasaan bahasa Melayu. Sebagai rakyat Malaysia, setiap

masyarakat sepatutnya mahir berbahasa Melayu kerana bahasa itu diajar di peringkat awal persekolahan hingga ke peringkat tinggi dan ianya melambangkan identiti negara seseorang individu. Sesuatu yang lebih mendukacitakan ialah terdapat segelintir pemimpin masyarakat terutamanya golongan ahli-ahli politik yang tidak mahir bertutur dalam bahasa Melayu malahan ada yang seolah-olah enggan menggunakan bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi tersebut. Menurut Asmah Hj. Omar (2003) bahasa Inggeris hanya tidak digunakan lagi dalam upacara-upacara rasmi kerajaan, di pejabat-pejabat kerajaan atau sebagai bahasa pengantar di universiti dan sekolah-sekolah, tetapi dalam bidang perundangan, perniagaan, perbankan, perubatan, pergigian dan sektor swasta masih menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama dalam urusan mereka. Keadaan ini perlu mendapat perhatian dari semua pihak terutama dari kalangan pemimpin negara.

A.Aziz Deraman (2017) dalam kertas kerja yang dibentangkan dalam Muzakarah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, di Ipoh pada 6 Februari 2017 mempertanyakan kenapakah sehingga dekad kedua abad ke-21 ini status bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara kita tidak tercapai sepenuhnya dan mantap dalam semua ranah kehidupan?. Rakyat Malaysia semacam sudah tiada lagi sikap ‘megah bahasa’ atau ‘bangga bahasa’ negara sendiri seperti bangsa Korea, Cina, Jepun, Perancis dan lain-lain.

Zuraidah Mohamed (2016) melaporkan bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka meneruskan Program Audit Bahasa (PAB) untuk mengelakkan pencemaran bahasa Melayu. Projek Rintis Audit Bahasa Melayu (ABM) telah dilaksanakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bermula dari bulan Julai hingga Ogos 2012. Pelaksanaan projek ini merupakan langkah kerajaan dalam memartabatkan penggunaan bahasa Melayu di Malaysia. Program Audit Bahasa Melayu (ABM) telah memperkenalkan juruaudit bahasa Melayu di setiap kementerian dan jabatan kerajaan. Tugas juruaudit bahasa adalah menyemak dan menilai dokumen-dokumen rasmi dalam bahasa Melayu (bahasa Malaysia) di jabatan kerajaan, di samping bertindak sebagai pegawai bahasa agar semua pihak mematuhi pekeliling yang dikeluarkan dalam urusan rasmi. Pelaksanaan program ini adalah satu langkah murni dan konkrit yang dapat membantu dasar kerajaan bagi memartabatkan dan memperkasakan bahasa Melayu di tahap yang setinggi mungkin.

Dari huraian yang dinyatakan di atas ternyata Malaysia menghadapi masalah yang agak serius untuk menjayakan usaha-usaha pemeraksanaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat yang terdiri dari semua lapisan sebagai pengguna bahasa Melayu. Kajian yang komprehensif wajar dijalankan untuk mengesan dan seterusnya mengatasi masalah berkenaan. Kajian yang dijalankan ini merupakan salah satu langkah kecil yang bertujuan untuk meneliti dan menilai sama ada usaha-usaha pemeraksanaan bahasa dapat dicapai oleh golongan sasaran sebagai pengguna bahasa Melayu di Malaysia.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur-unsur pemeraksanaan Bahasa Melayu dalam drama *Anak Tanjung* hasil karya Sasterawan Negara Noordin Hassan.

METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kualitatif deskriptif menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Menurut A. Halim Ali (2019) kaedah kepustakaan lazimnya menggunakan sumber data yang sedia ada seperti dokumen bercetak, teks, buku, jurnal dan lain-lain. Bentuk kajian ini dipilih kerana sesuai dengan data dan kaedah analisis yang digunakan. Sumber data utama ialah kandungan teks drama yang berjudul *Anak Tanjung*

karya Noordin Hassan iaitu dramawan terkenal di Malaysia yang juga salah seorang Sasterawan Negara Malaysia.

BIODATA NOORDIN HASSAN

Noordin Hassan, penulis teks drama yang dikaji dilahirkan di Georgetown, Pulau Pinang pada 18 Januari 1929. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Perak Road; Sekolah Francis Light dan Sekolah Penang Free sehingga berjaya memperoleh 'School Certificate'. Pada tahun 1952 beliau mengikuti Kursus Perguruan di Teachers' Training College, Kirkby, United Kingdom sebagai persiapan menjadi seorang guru terlatih. Noordin Hassan memulakan kerjayanya sebagai guru apabila ditugaskan mengajar di Sekolah Menengah Perempuan Kampung Baru, Alor Setar, Kedah. Ketika bertugas di sekolah tersebut beliau mula melibatkan diri dalam bidang penulisan sastera khususnya drama berdasarkan pengalaman yang diperoleh di United Kingdom yang terkenal dengan perkembangan pesat bidang drama dan teater. Sumbangannya dalam bidang drama pun bermula dengan persembahan drama pertamanya yang berjudul *Tak Kunjung Kembali*, yang telah dipentaskan oleh para pelajarnya. Pada tahun 1953 beliau telah dipindahkan ke Sekolah Sultanah Asma, Alor Setar dan kemudiannya ke Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar sehingga tahun 1958. Dalam tempoh tersebut, beliau menghasilkan dua buah drama lagi iaitu *Surai Cambai* (1954) dan tarian *Puteri Melayu* (1955). Kedua-duanya dipentaskan oleh para pelajar Sekolah Menengah Sultanah Asma.

Ketika beliau bertugas sebagai pensyarah di Maktab Perguruan Harian, Alor Setar, Kedah pada tahun 1959-1967 beliau menghasilkan beberapa karya lagi iaitu tarian *Bengawan Solo* (1960), tarian *Cinta Sayang* (1961) dan taridra *Hujan Panas di Bumi Melaka* (1962). Pada tahun 1963 beliau mengikuti kursus pengajaran bahasa dan sastera di Universiti London dan sekembalinya dari London beliau menghasilkan karya yang berjudul *Pucuk Pisang, Bunga Tanjung* (1964), tarian *Mas Merah* (1965), dan tarian *Panji Semirang* (1967). Kesemuanya karya tersebut telah dipersembahkan oleh guru-guru pelatih Maktab Perguruan Harian, Alor Setar. Pada tahun 1968-1975 beliau dipindahkan bertugas sebagai pensyarah di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim. Di sinilah beliau mula menghasilkan drama-drama yang penting dan bermutu tinggi, yang menyebabkan beliau dianggap sebagai pelopor teater pascamoden di Malaysia. Menurut Abdul Rahman Napiah (2017), Noordin Hassan merupakan dramatis yang pertama memulakan bentuk drama baharu ini dengan pementasan teater *Bukan Lalang Ditiup Angin* (1970). Drama tersebut telah mencetuskan kejutan dalam bidang drama yang terhasil sesudah peristiwa tragedi 13 Mei 1969. Drama ini berjaya menarik perhatian khalayak yang ramai sehingga pementasan drama kali yang kedua telah dipindahkan ke Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Pada tahun yang sama teater ini dipentaskan sekali lagi oleh Kompleks Budaya Negara dan disiarkan oleh RTM. Kemudian skrip teater ini telah terbitkan dalam majalah *Dewan Sastera*.

Pada akhir tahun 1976, beliau mengikuti kursus drama dan Pembelajaran di University of Newcastle, England. Antara pembaharuan yang dilakukan oleh Noordin Hassan sekembalinya dari England ini adalah seperti mengetengahkan konsep teater fitrah serta sering bereksperimen dengan bentuk drama baharu berlandaskan tradisi budaya Melayu. Selain daripada menghasilkan drama *Bukan Lalang Ditiup Angin*, Noordin Hassan telah menulis *Peran, 1400, Jangan Bunuh Rama-rama, Cindai, Sirih Bertepuk Pinang Menari, Demi Zaiton Sarah* dan lain-lain. Kebanyakan teater Noordin Hassan ini dipentaskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Noordin Hassan mempunyai beberapa kumpulan drama yang dibukukan seperti buku Kumpulan Drama Bukan

Lalang Ditiup Angin 1972 yang memuatkan dramanya *Tiang Seri Tegak Berlima dan Pintu*. Sebuah lagi kumpulan dramanya dinamakan *Anak Tanjung : Children of This Land* (1987). Drama-drama beliau telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Menurut Rahmah Bujang dalam Mohd. Yusof Hasan dan Siti Khariah Mohd. Zubir (2013), Noordin Hassan merupakan seorang pengarang yang amat menyedari realiti sosial dalam masyarakat. Kebanyakan dramanya membongkar berbagai-bagai isu yang dihadapi oleh masyarakat secara menyeluruh dan mendalam.

Sebagai menghargai sumbangan dalam penglibatannya dalam dunia drama, beliau telah menerima berbagai-bagai penghargaan dan anugerah. Antaranya ialah Hadiah Sastera (1972), Bintang Ahli Mangku Negara (1979), Anugerah Penulis Asia Tenggara (S.E.A) (1987), dan anugerah tertinggi yang telah diterima di Malaysia iaitu Sasterawan Negara (1994).

SINOPSIS DRAMA ANAK TANJUNG

Diterbitkan dalam dwibahasa iaitu *Anak Tanjung*, (bahasa Melayu) dan *Children of this land* (bahasa Inggeris) adalah drama yang mengisahkan kesusahan hidup orang Melayu di Tanah Melayu khususnya di negeri Pulau Pinang. Drama ini membawa tema perjuangan menentang penjajahan di samping membangkitkan berbagai-bagai isu sosioekonomi dan politik. Cerita berlatarbelakangkan zaman sebelum Perang Dunia Kedua yang merangkumi empat zaman pemerintahan iaitu zaman pemerintahan Inggeris, zaman pendudukan Jepun, zaman pemerintahan Inggeris kembali dan zaman kemerdekaan.

Noordin Hassan membuka tirai persembahan drama ini dengan menampilkan watak Qadir, ketua kumpulan ekstrim agama yang dinamakan "*Qadiri Petala Tujuh*". Bersama-sama Apandi dan Pak Lang, Qadir membincangkan rancangan masa depan mereka yang mempunyai cita-cita melibatkan diri dalam bidang politik di negeri ini. Kisah seterusnya muncul Siti, penuntut dari universiti ke kampungnya untuk menjalani projek bakti siswa dengan mengadakan persembahan drama bertajuk *Dinding dan Pasung*. Di sinilah Noordin Hassan menggunakan daya kreativitinya dengan melahirkan teknik drama dalam drama yang berupa imbasan kebalik kisah sejarah silam yang berlaku sekitar 30 tahun sebelumnya iaitu perjuangan Tuk Jangut seorang penentang penjajah Inggeris di Kelantan yang sanggup mengorbankan nyawa demi mempertahankan hak. Qadir yang curiga dengan kehadiran Siti telah meminta isterinya, Kamariah untuk menyertai pementasan tersebut sambil menyiasat siapa sebenarnya penuntut tersebut.

Setelah selesai pementasan drama, cerita berkisar dengan kisah keluarga Mak Su iaitu ibu kepada Hamzah, Sahak suami kepada Sapura dan Kudus yang menghadapi berbagai-bagai konflik. Sementara penduduk kampung pula sedang dalam kebimbangan kerana ada khabar angin yang menyatakan mereka akan dipindahkan kerana kampung mereka akan dijual.

Pergaduhan antara Sahak dengan isterinya, Sapura yang berkerja di rumah pegawai Inggeris yang bernama Mr. Brown sering tercetus. Kebetulan pula pada ketika itu telah berlaku satu insiden yang menambah kemarahan Sahak iaitu Sapura telah cuba dicabul oleh seorang pegawai kaunselor Melayu yang bernama Sabur Syah, di rumah Brown. Sahak menuduh isterinya bersikap curang sehingga menyebabkan dia diusir dari rumah dan mengancam untuk menceraikannya. Hamzah, adik Sahak menjadi marah dengan perbuatan Sabur Syah itu lalu menyerang sehingga kakinya cedera. Hal ini menyebabkan Hamzah dicari oleh anggota Polis untuk menahannya.

Selepas diusir oleh Sahak, Sapura yang sedang berbadan dua berpindah tinggal di rumah Kak Yam yang terletak tidak jauh dari rumah Brown tempat dia bekerja.

Melalui surat yang dibawa Mak Su yang datang berkunjung ke rumah Kak Yam, Sapura dicerikan oleh suaminya. Sapura amat terkejut dan berasa kecewa. Walau bagaimanapun dia terus bekerja di rumah Brown. Pada suatu hari Mr. Brown mempelawa Sapura untuk datang ke England dan berkahwin dengannya, namun Sapura menolak pelawaan itu.

Keluarga Sabur Syah yang propenjajah Inggeris dan memandang rendah terhadap bangsanya sendiri berdendam dengan Hamzah seorang guru lepasan dari Maktab Perguruan Sultan Idris yang telah mencederakan kakinya dan bercadang untuk mengambil tindak balas. Lebih-lebih lagi Badrul Syah, anak Sabur Syah telah mendengar Hamzah, mengecam sikap pegawai kauselor Melayu yang menjadi wakil rakyat termasuk ayahnya yang tidak mahu menjaga kebajikan orang Melayu ketika menyampaikan ceramah yang pernah dihidirinya. Badrul Syah menunggu peluang untuk membalas dendam terhadap Hamzah.

Peluang Badrul Syah untuk membalas dendam terhadap Hamzah terbuka apabila dia yang telah dilantik sebagai inspektor polis telah mendapat wahren untuk menangkap Hamzah atas tuduhan menulis rencana yang berbau hasutan menentang kerajaan Inggeris yang disiarkan dalam akhbar terbitan syarikat milik Aman Syah, adik Badrul Syah. Sementara itu Aman Syah bersama-sama Syed Ali dan Kudus bercadang untuk memohon bantuan derma daripada orang ramai melalui akhbar yang diterbitkan bagi membantu membebaskan Hamzah. Tindakan Aman Syah telah dibantah keras oleh bapanya. Aman Syah tetap berkeras mempertahankan tindakannya dan enggan menarik balik berita yang telah disiarkan.

Sementara itu Kudus, Din, Hamid dan Ah Heng telah berusaha untuk membantu bagi melepaskan Hamzah dari tahanan polis. Pihak surau di kampung itu telah merancang untuk mengadakan majlis ratib saman di bawah pimpinan Imam Tahir pada keesokan malamnya. Majlis yang bertujuan memohon kepada Tuhan untuk keselamatan dan menolak bala telah selamat diadakan seperti dirancang.

Jepun telah menduduki Tanah Melayu menggantikan pemerintahan Inggeris. Semua tahanan Inggeris termasuk Hamzah telah dibebaskan. Penduduk Tanah Melayu bersorak gembira kerana terlepas dari cengkaman penjajah Inggeris. Walau bagaimanapun Hamzah bersama Ah Heng telah ditangkap semula oleh Badrul Syah yang kini menjadi tali barut Jepun. Ketika tangkapan dibuat kedua-duanya sedang berada di surau mendengar ceramah Imam Tahir. Dendam Badrul tidak dapat dibendung, kerana tidak lama kemudian dia telah menangkap Kudus atas tuduhan menyimpan pistol.

Sementara itu Sapura dipelawa oleh Aman Syah untuk bekerja di syarikat akhbar miliknya. Tidak lama selepas itu Mak Su dikhabarkan telah meninggal dunia kerana terjatuh. Menurut laporan doktor, ada kesan dicekik di leher Mak Su menyebabkan Sapura membuat laporan polis. Ah Heng yang dikatakan telah dibunuh sebenarnya masih hidup dan kini menjadi tentera MPAJA. Dia telah dapat menangkap Hamid dan Badrul Syah. Rahsia kejahatan Hamid terbongkar apabila mengaku bahawa dialah yang telah membunuh Mak Su dan menyebabkan Kudus ditangkap oleh Jepun sehingga meninggal dunia akibat diseksa.

Pemerintahan Jepun telah tewas, Inggeris kemali berkuasa di Tanah Melayu. Kegiatan Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya (MPAJA) yang kemudiannya menjadi anggota komunis semakin ganas dan mengancam kedudukan orang Melayu. Mereka menganggap Tanah Melayu bukan hak orang Melayu. Sementara itu Inggeris berkuasa semula di Tanah Melayu dan memperkenalkan undang-undang Malayan Union. Jika dilaksanakan undang-undang tersebut, kedaulatan Raja-raja Melayu akan terjejas. Kaum bukan Melayu akan mendapat kerakyatan secara automatik. Persatuan-persatuan Melayu di seluruh Tanah Melayu dengan diketuai oleh Dato Onn telah menghantar surat bantahan kepada pihak berkuasa Inggeris. Akhirnya Malayan Union dibatalkan dan

diganti dengan pemerintahan Persekutuan Tanah Melayu. Dengan cara rundingan akhirnya Malaya mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Drama *Anak Tanjung* diakhiri dengan ucapan terima kasih Ketua Waden yang menyatakan bahawa para pelakon dan sebahagian daripada penonton drama terdiri daripada banduan dari sebuah penjara. Sementara itu Qadiri telah ditangkap kerana bersubahat dengan Apandi yang membunuh Habib, adiknya sendiri kerana telah mengahwini Habibah iaitu bekas tunangnya. Qadiri sebenarnya seorang pengidap sakit jiwa yang gagal dalam pelajaran di Amerika.

ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

Analisis data yang dijalankan adalah berfokus kepada dua bidang kajian bahasa yang biasa dijalankan iaitu Kajian Morfologi dan Kajian Sintaksis. Menurut Nik Safiah Karim (2013), morfologi bermaksud bidang ilmu bahasa yang mengkaji tentang struktur, bentuk, dan penggolongan kata. Struktur kata bermaksud susunan bunyi ujaran atau bunyi lambang yang bermakna dalam sesuatu unit bahasa. Bentuk kata ialah rupa unit tatabahasa itu sendiri, sama ada berbentuk tunggal ataupun perkataan yang terhasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Menurut Zulkifley Hamid, Ramly Md. Salleh, Rahim Aman (2015), morfologi bahasa Melayu merupakan satu bidang ilmu yang mengkaji dua aspek bahasa Melayu, iaitu proses pembentukan dan pengkategorian kata dalam bahasa Melayu.

Proses pembentukan kata dalam bahasa Melayu melibatkan empat cara, iaitu pengimbuhan, pemajmukan, penggandaan dan pengakroniman. Pembentukan kata merupakan proses menerangkan bagaimana sesuatu kata itu dibina dan dibentuk sehingga dapat menghasilkan ayat dan ujaran dalam sesuatu bahasa. Pemajmukan merupakan salah satu proses dalam pembentukan kata bahasa Melayu yang merangkaikan dua kata dasar atau lebih dan bentuk yang terhasil membawa makna tertentu.

Sintaksis pula bermaksud bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, susunan dan pembentukan atau konstruksi ayat. Menurut Raminah Hj Sabran dan Rahim Syam (1985) sintaksis didefinisikan sebagai satu bidang kajian tentang hubungan antara perkataan dengan perkataan dalam pembentukan ayat. Dalam erti kata yang lain sintaksis adalah kajian mengenai ayat. Di dalamnya termasuk juga kajian tentang frasa dan klausa. Frasa merupakan gabungan dua kata atau lebih yang tidak melebihi satu batas fungsi. Fungsi tersebut merupakan jabatan berupa subjek, predikat, objek, pelengkap dan keterangan (Baiq Yulia Kurnia Wahidah, 2019:182).

Kajian yang dijalankan ini adalah tentang karya sastera iaitu bukan karya ilmiah. Diteliti dari aspek bahasa, drama yang dikaji mempunyai ciri-ciri yang khusus bagi karya sastera berbeza dengan karya ilmiah. Menurut Rahmat Djoko Pradopo, (1997), bahasa sastera berbeza dengan Bahasa ilmiah kerana bahasa sastera biasanya mempunyai ciri emosional,, ambiguitis yang luas dan sangat konotatif atau mengandungi banyak erti tambahan. Sedangkan bahasa ilmu bersifat pemikiran, transparan dan formal. Sementara itu terdapat pula ragam bahasa sehari-hari seperti bahasa percakapan, bahasa perdagangan, dan bahasa komunikasi.

Sementara itu dalam karya sastera seperti drama ini mengandungi bahasa slanga yang didefinisikan menurut Kamus Dewan, sebagai kata-kata, ungkapan dan seumpamanya yang tidak tergolong dalam bahasa baku atau bahasa tinggi tetapi lazimnya digunakan dalam percakapan yang tidak rasmi. Salah satu cara dalam proses pembentukan kata ialah melalui kependekan kata atau kata singkat iaitu bentuk perkataan yang diwujudkan dengan meringkaskan atau memendakkan

perkataan menjadi satu atau dua suku kata. Bentuk perkataan atau kosa kata yang wujud dan diterimapakai dalam penggunaan bahasa yang gramatis dan dianggap betul. Contohnya adalah seperti berikut:

Petikan dialog 1:

- MAK SU: Tak payah masak, AH EAN. Nak ke tempat lain pula. Cuma nak beritahu, kalau ada apa-apa hal, beritahu Mak Sulah, kalau mahu apa-apa, bila-bila saja, insya-Allah kami boleh tolong. Ni Kudus mari sama.
- KUDUS: Ah Ean tak mahu balik kampungkah?
- AH EAN: Kampung nilah kampung saya. Saya tak ada saudara mara, tak ada siapa pun. Ke manalah saya nak pergi? Lagipun kedai ni sayang nak tinggal. Saya sedang kumpul duit kalua-kalua nak digunakan untuk Ah Heng.

Kata singkat	Perkataan asal
tak	tidak
nak	hendak
mak	emak
ni	ini
su	bongsu

(Noordin Hassan, 2002:579-580)

Dari Petikan dialog 1, dapat dirumuskan bahawa Noordin Hassan telah memaparkan unsur pemeriksaan bahasa dengan cara menggunakan bahasa yang gramatis khususnya dari sudut kajian morfologi. Penggunaan kata singkat yang disenaraikan di atas adalah diterima dan tersenarai dalam *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1989). Tambahan pula dialog yang terdapat dalam drama ini adalah berbentuk bahasa lisan atau bahasa percakapan. Oleh itu penggunaan kependekan kata atau kata singkat sememangnya sesuai dan wajar

Satu lagi aspek dalam kajian morfologi ialah pembentukan kata (perkataan) melalui proses peminjaman perkataan dari bahasa asing. Dalam petikan dialog di bawah dapat dilihat dua perkataan yang berasal daripada bahasa asing digunakan iaitu perkataan 'lu' dan 'gua'. Kedua-dua perkataan tersebut yang tergolong dalam kategori kata ganti nama dipinjam daripada bahasa Cina. Situasi ini menjadikan bahasa Melayu yang digunakan dalam petikan tersebut menjadi bahasa pasar. Dengan itu taraf bahasa tersebut menjadi tidak standard. Walau bagaimanapun, bahasa yang digunakan ini masih diterima kerana ragam bahasanya ialah bahasa percakapan iaitu bukan bahasa formal.

Petikan dialog 2:

- CINA L. T. T: Eh, eh, gua tak mahu semua, lu simpan sikit. Nah
(*CINA L. T. T. memberi balik sedikit wang syiling kepada SAHAK*).
- SAHAK: Poh Sing, satu hari nanti, kita akan jumpa. Sekarang saya mahu tinggalkan tempat ini.
- CINA L. T. T: Lu mahu pergi mana?

Perkataan pinjaman	Maksud
ju	awak/kamu
gua	saya/aku

(Noordin Hassan, 2002: 545)

Dikaji dari kajian sintaksis penggunaan bahasa asing dalam teks drama *Anak Tanjung* terdapat dalam beberapa petikan. Contohnya, dalam petikan dialog 3, Noordin Hassan turut menyelitkan beberapa ayat atau perkataan dalam bahasa asing dengan tujuan untuk menggambarkan realiti masyarakat yang berbilang kaum pada masa dahulu. Dalam petikan dialog tersebut terdapat tiga orang watak iaitu Hani, wanita Melayu, Mr. Lim, lelaki Cina dan Mejar Oci, pegawai atasan tentera Jepun. Adegan yang dipaparkan ialah sesi pertemuan tiga watak yang berlainan bangsa yang mempunyai hubungan mesra antara satu sama lain. Mr. Lim, yang berketurunan Cina tahu berbahasa Melayu dan fasih berbahasa Inggeris. Oleh itu apabila dia memulakan perbualan dia menggunakan bahasa Melayu bercampur dengan bahasa Inggeris. Begitulah juga Mejar Oci yang berbangsa Jepun menggunakan bahasa Melayu bercampur dengan bahasa Jepun. Sementara itu Hani yang semamangnya berbangsa Melayu menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Situasi ini adalah sesuatu natural dan normal serta dapat diterima sebagai penggunaan bahasa yang betul.

Petikan dialog 3:

MR. LIM: Ya, itu memang baik. Betul, betul, (*Sambil memberi satu kotak kepada MEJAR OCI*). Ini *just a small thing for you*.

MEJAR OCI: *O, arigato, arigato gozaimasu. Thank you.*
(*Mejar OCI membuka kotak, didapati ada sebuah jamtangan*).
O, very good, very good. (Membaca tulisan di jam). O, Roskop,
Roskop. *Very good*, Terima kasih.

HANI: *This is from abah. We hope you like it.*

(Noordin Hassan, 2002:575)

Terdapat satu lagi ragam bahasa yang sering digunakan dalam penulisan dialog. Ragam bahasa tersebut ialah bahasa selanga. Ragam bahasa ini biasa digunakan dalam percakapan dan bukan dianggap sebagai bahasa standard atau bahasa baku. Penggunaan bahasa ini lebih natural dan santai. Penggunaannya tidak formal dan mewujudkan hubungan mesra antara penutur. Dalam contoh petikan dialog 4, dari segi morfologi terdapat penggunaan kata singkat seperti dijelaskan di atas. Perkataan tersebut adalah 'dah' dan 'tu'. Dari sudut sintaksis terdapat penggunaan frasa bahasa pasar seperti 'banyak tolong kita' dan 'macam mana'. Dalam petikan ini terdapat juga perkataan bahasa asing iaitu 'meeting' yang sering digunakan sehari-hari dalam kalangan masyarakat Melayu.

Petikan dialog 4:

AH HENG: Sekarang Hamzah dah kena tangkap. Hamzah banyak tolong kita.
Aku cadang bila yang boleh, kita bagi ikan pada MAK SU.

HAMID: Ya, aku setuju. Eloklah tu.
DIN: Betulkah dia ditangkap kerana menghasut? Dia hasut macam mana?
HAMID: Kata dia bagi syarahan, tulis surat, ada *meeting*. Mengata-ngata dekat orang putih, mengata-ngata dekat orang besar Melayu.

(Noordin Hassan, 2002: 561)

Dilihat dari sudut kajian sintaksis, Noordin Hassan berhati-hati dalam pembinaan ayat. Petikan dialog 5 merupakan sebahagian daripada deskripsi ataupun penjelasan yang disampaikan oleh Noordin Hassan yang berbentuk gambaran yang terpapar dalam ingatan watak Sahak. Hampir kesemua struktur ayat yang digunakan adalah ringkas dan pendek serta berbentuk ayat selapis.

Petikan dialog 5:

(SAHAK teringat:

Bunyi rebana dan suara beramai-ramai. Koreografi bagi kumpulan rebana. SAPURA sebagai pengantin sedang disambut ke rumah SAHAK. SAHAK tidak ada di situ . SAPURA diletakkan di belakang basikal berhias. Sebuah payung melindunginya daripada panas. Segala-galanya paling sederhana. Orang yang mengikut pengantin tadi termasuklah MD. NOR BOUSTEAD dan CHOT SQUIRE. Orang-orang perempuan di rumah SAHAK...)

(Noordin Hassan, 2002:539)

Dalam drama ini terdapat petikan yang mengandungi naratif pengarang yang berbentuk deskripsi tentang sesuatu adegan. Dalam petikan dialog 6, Noordin Hassan menjelaskan aksi Imam Tahir dan beberapa orang yang lain. Dari sudut kajian sintaksis Noordin Hassan banyak menggunakan ayat penyata yang ringkas tetapi tepat dan jelas. Sementara dalam kajian morfologi, tidak terdapat penggunaan perkataan yang salah atau tidak sesuai. Kesemuanya menampakkan unsur pemeriksaan bahasa Melayu yang baik dan sesuai.

Petikan dialog 6:

(IMAM TAHIR berselimpang merah. Di kepalanya terikat kain merah bertulisan Jawi “Allah” di bahagian dahi. Dia berdiri di tengah, kemudian dia meratib “Lailahaillallah” tiga kali. Masuk beberapa orang lelaki dan perempuan, kesemuanya berselendang merah berikat kepala seperti IMAM TAHIR. semua dengan parang Panjang.

Mereka bergerak sambil meratib. Koreografi melambangkan “Pergaduhan”. Rebana dipukul.

Habis ratib IMAM TAHIR bercakap.

(Noordin Hassan, 2002:597)

Penggunaan puisi dalam drama adalah suatu usaha yang baik. Antara puisi tradisional Melayu yang terdapat dalam drama *Anak Tanjung* ialah pantun, syair, seloka, dan gurindam. Di samping itu terdapat juga puisi moden iaitu sajak. Selain daripada mempelbagaikan gaya penulisan, penggunaan puisi boleh menunjukkan tahap penguasaan bahasa yang tinggi di samping melahirkan unsur estetika. Petikan di bawah menunjukkan tiga rangkap gurindam yang mempunyai ciri-ciri bentuk gurindam yang tepat dan lengkap. Setiap rangkap mengandungi dua baris ayat yang terdiri daripada ayat yang sempurna yang terdiri daripada empat hingga lima perkataan yang indah dengan rima akhirnya berbentuk 'aa'. Penggunaan gurindam dalam contoh Petikan 7 ini ternyata dapat meninggalkan kesan emosi kepada pembaca. Sementara dari sudut penguasaan bahasa sama ada kajian morfologi atau pun sintaksis adalah tepat dan benar.

Petikan 7:

SAPURA: Yang disampaikan suara suci
Yang dipesannya kata-kata abadi.

Wahai jiwa yang sangat sayu
Dari langit ada wahyu.

Disampaikan panduan suara tulus
Memandu kita ke jalan lurus....

(Noordin Hassan, 2002:523)

Satu lagi jenis puisi tradisional Melayu yang terdapat dalam drama *Anak Tanjung* ialah syair. Diberikan dua rangkap syair yang terdiri daripada empat baris setiap rangkap dan setiap baris mengandungi empat atau lima perkataan. Bagi setiap hujung baris mempunyai rima yang sama iaitu 'aaaa'. Dalam persembahan ini syair tersebut telah dilantunkan oleh TUKANG KARANG yang kemudiannya dinyanyikan oleh pasukan bernyanyi beramai-ramai dan juga kumpulan kelasi.

Petikan dialog 8:

TUKANG KARANG:
Asal Tuk Jangut anak Kelantan
Gagah berani tiada buatan
Tidak derhaka kepada Sultan
Dengan British bermati-matian.

(Pasukan bernyanyi beramai-ramai penuh aksi dan bendera dikibarkan. Lirik tadi. Habis. Bendera diturunkan).

TUKANG KARANG:
Sayang negara kasihkan bangsa
Tak rela melihat Melayu diseksa
Kerana cukai yang dipaksa-paksa
Tentang British empunya kuasa.
(Kelasi bernyanyi).

(Noordin Hassan, 2002:521-522)

Seterusnya bentuk puisi tradisional yang terdapat dalam drama ini ialah gurindam. Noordin Hassan telah mencipta dua rangkap gurindam yang menarik yang disampaikan oleh tukang cerita secara berlagu lengkap dengan iringan alat muzik marwas. Penyampian gurindam ini dapat menarik perhatian penonton dan membantu pemahaman pembaca atau penonton tentang jalan cerita yang ingin disampaikan oleh pengarang. Dari sudut kajian morfologi rangkap puisi ini mempunyai kosa kata yang luas dan puitis, semetara dari kajian sintaksis pembinaan ayat yang menarik penuh dengan kiasan yang sangat sesuai dengan ragam bahasa sastera sepertimana contoh yang ditunjukkan dalam Petikan 9;

Petikan 9:

TUKANG CERITA (*berlagu*):

Mula-mula balai polis diserbu,
Senjata-senjata dirampas disapu;
Pejabat Jajahan Pasir Putih ditawan,
Pegawai Daerah, bernama Latif, berlari macam haiwan'

Terus pergi keKota Bharu,
Baca cerita menyembah Tuanku;
Dia berasal dari Singapura,
Dikatanya Tuk Janggut telah derhaka.

(Noordin Hassan, 2002: 519)

Bentuk puisi seterusnya yang terdapat dalam drama ini ialah sajak yang berupa puisi moden. Sajak tersebut telah dilafazkan atau dideklamasikan dengan penuh perasaan yang menunjukkan ekspresi oleh HABIBAH yang disambung dengan persembahan tarian oleh kumpulan penari "Melati Putih" sebelum tirai dilabuhkan sebagai menandakan persembahan drama berakhir. Sebagai bentuk puisi moden, sajak tersebut terdiri daripada satu rangkap yang mengandungi 13 baris dengan jumlah perkataan setiap baris yang tidak terhad. Bagi setiap hujung baris pula tidak mempunyai rima yang tetap. Dari sudut penggunaan bahasa sama ada kajian morfologi atau sintaksis, puisi ini memenuhi kriteria yang baik. Di samping itu puisi moden ini telah menggunakan ragam bahasa sastera yang penuh dengan nilai estetika dan puitis seperti contoh dalam Petikan 10;

Petikan 10:

HABIBAH: Wahai jiwa yang sangsi
Dari langit ada petunjuk
Dari bumi ada panduan
Yang membawa rahmat kasih
Yang memberi hikmat sayang
Bebaskanlah diri dari belunggu
Dinding hadapan dinding belakang
Pohonkan restu pembawa embun
Jadi penawar mata yang kabur
Supaya menghayati bunga indah
Ada khabar penawar hati

Ada rahmat di dalam taubat
Ikutlah Dia yang tidak meminta balasan darimu.

(Noordin Hassan, 2002: 619)

RUMUSAN

Dari kajian ringkas yang telah dijalankan ini dapat dirumuskan bahawa unsur pemeraksanaan bahasa Melayu dalam drama *Anak Tanjung* dapat dianggap berada dalam tahap yang cemerlang. Noordin Hassan selaku penulis drama ini telah menghasilkan karya yang mempunyai kualiti penggunaan bahasa yang mantap. Kekuatan Noordin Hassan sama juga dengan tokoh Sasterawan Negara Arena Wati. Menurut Mawar Kembaren & A.Halim Ali (2020) Arena Wati seorang pengarang yang berjaya dan matang, memiliki pengalaman yang unik dan berhasil diterjemahkan secara jujur dan berkesan dalam sebuah karya dan secara tersirat Arena Wati mahu suara hatinya didengar oleh pembaca. Demikian juga dengan Sasterawan Negara Abdullah Hussain (Zaidi Ahmad, Azhar Wahid & A.Halim Ali (2020) yang juga seorang sasterwan yang hebat dan ternama. Teks drama yang dikaji ini adalah karya sastera iaitu suatu karya kreatif yang berdasarkan imaginatif dan bukan dianggap dokumen rasmi atau formal. Oleh itu tidak dapat dinafikan teks ini mengandungi kesalahan dari segi tatabahasa yang dianggap sebagai tidak standard sama ada dari aspek morfologi ataupun sintaksis. Namun begitu kajian diukur berdasarkan laras dan ragam bahasa pengkaji berpendapat bahawa aspek penggunaan bahasa Melayu dalam drama ini mempunyai keragaman dari sudut penggunaan kosa kata dan kepelbagai struktur serta jenis ayat. Di samping itu drama ini juga diperkaya dengan bahasa yang puitis serta mempunyai unsur estetika sesuai dengan karya sastera. Oleh itu drama yang terpilih dalam kajian ini menepati kreteri sebagai drama yang mengandungi unsur-unsur pemeraksanaan bahasa.

RUJUKAN

- A.Halim Ali (2019). *Pengetahuan Asas Penyelidikan Dalam Kesusasteraan Melayu*. Klang: MZ Edu Publications.
- Ahmad Rizal Mohd Yusof, Mohd Firdaus Hamdan & Shamsul Amri Baharuddin. (2015). "Pembangunan pangkalan data Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu: Suatu usaha memposisi dan memartabatkan Bahasa Melayu di peringkat global." *Journal of Social Sciences and Humanities*. Bangi: Faculty of Sosial Sciences and Humanities, UKM.
- Ahmad, Z., Abdul Wahid, A., & Ali, A. H. (2020). Kerasulan insan kamil membentuk modal insan dalam novel Imam. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 16-27. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/125>
- Awang Sariyan. (1996). *Warna dan Suasana. Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2004). *Teras Pendidikan Bahasa Melayu. Asas Pegangan Guru*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Awang Sariyan. (2010). "Pemartabatan bahasa kebangsaan dalam pembinaan negara bangsa," syarahan bahasa anjuran Dewab Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur dan IPG Tengku Ampuan Afazan, Kuala Lipis, (25 Februari 2010)
- Awang Sariyan. (2015). "Bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa dan upaya Pengantarabangsaannya." kertas kerja dibentangkan dalam *5th Malaysia International Conference on Foreign Language (MICFL 2015)*, Kuala Lumpur.

- Awang Sariyan. (2020). "Masa depan Bahasa Melayu di Nusantara." *Syarah dalam Ceramah Arif Budiman 16*, anjuran Institut Peradaban Melayu, Universiti Sultan Idris, Perak.
- Aziz Deraman. (2017). "Pemeriksaan Bahasa Melayu di Negara Bangsa Malaysia Merdeka". *Kertas kerja* yang dibentangkan dalam Muzakarah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, di Ipoh pada 6 Februari 2017.
- Azlinda Abd. Rahman. (2013). "Bahasa Melayu; Antara perluasan, penyempitan dan kecelaruan," *Journal of Techno-Social Vo. 5, No. 1*. Batu Pahat: Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.
- Baiq Yulia Kurnia Wahidah. (2019). "Komparasi berbagai definisi mengenai frasa dan kata majemuk dalam media sosial google berdasarkan kajian sintaksis," *Jurnal Pendidikan Mandala, Vol. 4 No. 5, 2019*. Institut Pendidikan Nusantara Global, Indonesia.
- Ibrahim Majdi Mohamad Kamil dan Maliati Mohamad. (2020). "Cabaran pemeraksanaan Bahasa Melayu dalam usaha mencapai negara bangsa di Malaysia." *Asian People Journal Vol. 3(2)*. Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Ismail Sulaiman. (2021). "Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik." *Sinar Harian* diakses dari <https://www.sinarharian.com.my/article/70262/KOLUMNIS/Bahasa-Inggeris-Sains-dan-Matematik>
- Kembaren, M. M., & Ali, A. H. (2020). Deskripsi Peranan Dua Ikon Membentuk Keperibadian Dan Hala Tuju Kehidupan Arena Wati Dalam Teks 'Enda Gulingku'. *PENDETA*, 11(1), 33-45. Retrieved from <http://ojs.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/3414>
- Ku Hasnita Ku Samsu, Adlina Ab Halim & Mohd Hafiz Sulaiman. (2013). "Keupayaan Bahasa Melayu di Persada Antarabangsa," *International Journal of the Malay World and Civilisation* 1 (1), 2013.
- Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin.(2011). "Sistem Pendidikan di Malaysia: Dasar, Cabaran, dan Pelaksanaan ke Arah Perpaduan Nasional," *Sosiohumanika* 4(1) 2011.
- Mohd. Farid Mohd. Shahrin. (2019). "Peradaban tinggi Bahasa Melayu satukan bangsa," *BH online 15 September 2021* diakses dari <https://origin.bharian.com.my/kolumnis/2019/09/605369/peradaban-tinggi-bahasa-melayu-satukan-bangsa>.
- Mohd. Syuhaidi Abu Bakar & Alifluqman Mohd. Mazzalan. (2018). "Aliran pertuturan Bahasa Melayu dalam kalangan pengguna facebook di Malaysia," *Academia Journal Vol. 7 Issue 1*. Universiti Teknologi MARA Terengganu.
- Murni Deraman & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. (2019). "Perjuangan guru-guru Melayu memartabatkan Bahasa kebangsaan selepas kemerdekaan sehingga 1970" *Journal of History Department*, Universiti Malaya.
- Nik Safiah Karim (Ed). (2013). *Tatabahasa Dewan: Bentuk kata 2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noraieen Mansor dan Noor Rohana Mansor. (2015). "Penerbitan ilmiah Bahasa Melayu dalam kalangan ilmuwan negara," *Journal of Business and Social Development*. Kuala Trengganu: Pusat Pendidikan Asas dan Liberal, Universiti Malaysia Terengganu.
- Noordin Hassan. (2002). *Teater fitrah dan esei pilihan Noordin Hassan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahmat Djoko Pradopo. (1997). "Ragam bahasa sastera," dalam *Humaniora IV*. Jakarta: Universitas Persada Indonesia.

Raminah Hj Sabran & Rahim Syam, (1987), *Kajian Bahasa untuk pelatih maktab perguruan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Zuraidah Mohamed. (2016). “DBP teruskan program audit elak pencemaran bahasa Melayu” dalam Berita Harian bertarikh 3 November 2016. Diakses dari laman wab <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2016/11/208882/dbp-teruskan-program-audit-elak-pencemaran-bahasa-melayu>.